

Selamatkah Facebook Anda?

DAHULU, kebiasaannya Internet digunakan khusus untuk urusan kerja sahaja. Tetapi kini, Internet turut digunakan untuk tujuan rekreasi, contohnya untuk *Online Gaming* dan *Social Networking*.

Menurut statistik socialbakers.com, daripada lebih kurang 16.5 juta pengguna Internet di Malaysia, sebanyak 85 peratus atau 13.6 juta orang memiliki akaun Facebook (FB). Seramai 6.2 juta daripadanya pula adalah wanita, berumur antara 18 dan 34 tahun. Jumlah ini meletakkan Malaysia di tangga ke-18 berbanding 212 negara pengguna FB di seluruh dunia.

Sehubungan itu, saya akan menerangkan beberapa **panduan dan tatacara penggunaan FB dan bagaimana kita boleh memanfaatkannya tanpa menjejaskan keselamatan diri, keluarga dan kawan-kawan**. Ini adalah kerana:

- Kebiasaannya kita tidak akan mendedahkan segala maklumat kita dengan sewenang-wenangnya secara terbuka kepada umum. Tetapi apabila berada di laman FB seolah-olah kita lupa akan dunia nyata. Dengan mudahnya kita berkongsi **nama sebenar, tarikh lahir, alamat tempat kediaman** dan lain-lain maklumat peribadi disertai gambar intim keluarga.
- Sesiapa sahaja yang aktif melayari FB tentu sering terbaca perkongsian daripada rakan-rakan FB yang berbentuk peribadi. Dengan mudahnya kaum wanita **menceritakan hal ehwal rumah tangga atau mengeluh tentang perangai suami** dan kerehnan anak-anak tanpa segan silu.
- Ramai juga kaum wanita sama ada yang muda atau tua, termasuk yang bertudung, sering mempamerkan **gambar mereka yang mendedahkan aurat dengan gaya yang seksi** dan agak keterlaluan di FB mereka. Amat membimbangkan apabila ramai yang mempamerkan maklumat peribadi tanpa memikirkan implikasi terlebih dahulu.

Jika dunia ini sempurna dan ideal, memang tidak menjadi masalah berkongsi maklumat. Malahan ini memudahkan rakan-rakan kerana mereka hanya perlu merujuk maklumat di FB untuk mendapatkan maklumat tentang rakan-rakan yang lain.

Malangnya dunia siber bukanlah sempurna. Ada kemungkinan maklumat peribadi kita jatuh ke tangan penjenayah. Ini boleh terjadi sekiranya **tetapan privasi akaun FB dibuka kepada umum**. Tambahan pula, kini ada banyak perisian atau *apps* yang boleh mengimport data seperti tarikh lahir, nombor telefon dan alamat e-mel dari akaun FB dan e-mel untuk diintegrasikan dengan *apps* seperti kalendar dan buku alamat di telefon bimbit.

Golongan penjenayah kini boleh menggunakan program perisian untuk mengekstrak data-data tersebut. Mereka kemudian akan menjual data yang telah dikumpulkan kepada penjenayah lain yang akan menggunakan data tersebut untuk jenayah seperti kad kredit palsu, ataupun untuk menghantar spam melalui e-mel, SMS atau laman FB.

Perlu diingat juga bahawa maklumat seperti **tarikh lahir, nama ibu dan alamat surat-menyurat adalah berharga kepada penjenayah kerana maklumat tersebut merupakan maklumat yang biasa digunakan oleh pihak institusi kewangan untuk mengesahkan identiti seseorang** pemegang akaun yang berurusan melalui telefon, contohnya urusan perbankan melalui telefon.

Saya sendiri berpengalaman dalam hal ini. Ketika membeli tiket penerbangan, talian Internet mengalami masalah kesesakan. Saya terpaksa menelefon pejabat penerbangan untuk meneruskan transaksi. Untuk mengesahkan identiti saya, pegawai jualan tiket tersebut meminta saya menjawab beberapa soalan peribadi untuk dirakam sebagai bukti bahawa pihak penerbangan telah membuat pengesahan identiti pembeli. Soalan yang ditanya adalah nama penuh, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, alamat penghantaran bil kad kredit dan nama ibu. Ini bermakna, sekiranya maklumat tersebut terdedah di akaun FB saya, mungkin sesiapa sahaja boleh membuat pembelian menggunakan identiti dan kad kredit saya.

Kebocoran maklumat boleh diatasi sekiranya:

- Tetapan privasi akaun FB dihadkan kepada *friends* dan maklumat dihadkan sekadar berkongsi nama panggilan yang dikenali oleh rakan-rakan dan tarikh hari serta bulan kelahiran (tanpa tahun).
- Sekiranya rakan-rakan perlukan nombor telefon dan alamat rumah, mereka boleh menghantar mesej peribadi untuk mendapatkan maklumat tersebut.

- Berhati-hati sebelum mempamerkan *Status update* dan *comments*. Pastikan kita tidak meluahkan perkara sensitif atau mengaibkan, memandangkan setiap *post* bukan sahaja boleh dibaca dan *dishare* oleh *friends* dan *friends of friends*, tetapi juga ada kemungkinan menjadi *viral* di mana penyebaran maklumat tersebut tidak boleh dikawal lagi umpama virus penyakit.

Keterdedahan maklumat juga akan menjadi masalah apabila akaun FB dicerobohi, antaranya:

- Penceroboh boleh menyalahgunakan segala maklumat peribadi yang dikongsi oleh pemilik.
- Turut terdedah adalah maklumat yang terkandung dalam akaun FB kesemua *friends* kepada empunya akaun yang dicerobohi.
- Penceroboh juga boleh mencuri identiti pemilik akaun dan melakukan apa sahaja dengan akaun yang dicerobohi seperti membuat *post*, *comment* dan menghantar mesej atas nama pemilik akaun untuk mendapatkan maklumat atau wang dari *friends* yang tersenarai.

Untuk mengelakkan pencerobohan, pengguna FB dinasihatkan supaya:

- Menggunakan kata laluan yang kompleks dan sukar diteka.
- Tidak mengakses FB dari komputer umum atau dipinjam, kerana keselamatan komputer tersebut diragui.
- Pastikan akaun FB hanya diakses menggunakan komputer atau telefon pintar (smart phone) yang dilengkapi perisian keselamatan Internet dan anti-virus yang dikemas kini.
- Tidak menyimpan gambar intim dan rahsia dalam FB walaupun di bawah tetapan *privasi only me*.
- Jangan gunakan FB sebagai *Cloud Storage* untuk menyimpan maklumat peribadi bagi memudahkan kita mengakses gambar-gambar peribadi dari mana-mana sahaja. Sebaik-baiknya jangan sekali-kali memuat naik gambar yang tidak seharusnya dikongsi dengan orang lain.

Saya pernah menegur kawan-kawan yang mempamerkan gambar dokumen yang mendedahkan nombor kad pengenalan serta tandatangan mereka. Kebanyakan mereka mengaku tidak menyedari implikasi pendedahan maklumat tersebut yang berpotensi memudaratkan.

Perkongsian gambar seharusnya tidak menjadi masalah. Tetapi perlu diingat bahawa orang lain boleh *share* gambar yang kita muat naik di FB. Mereka juga boleh muat turun gambar tersebut dan melakukan apa sahaja dengannya. Bermakna, apabila sesuatu gambar dimuat naik ke alam siber, kemungkinan besar gambar tersebut akan berada di sana selamanya. Walaupun kita telah *delete* gambar tersebut, mungkin ia masih tersimpan dalam *cache* atau *search engine*.

Ada beberapa insiden yang pernah dilaporkan ke Pusat Bantuan Cyber999 CyberSecurity Malaysia tentang penyalahgunaan gambar di FB:

1 Seseorang memuat turun gambar dari akaun FB seorang wanita dan kemudian menambah gambar botol minuman keras atas meja supaya kelihatan wanita tersebut sedang berfoya-foya dengan meminum arak. Gambar itu kemudian dimuat naik ke sebuah akaun FB palsu yang kononnya milik wanita tersebut dan menyebabkan wanita tersebut dimarahi ahli keluarga dan berasa malu dengan rakan-rakan. Wanita tersebut meminta bantuan dari CyberSecurity Malaysia untuk menutup akaun palsu tersebut.

2 Seorang wanita dianiaya oleh kenalan sendiri. Kenalan tersebut memuat turun gambar profil mangsa dan meletakkan gambar tersebut di laman *dating*; kononnya mangsa sedang mencari pasangan dan bersedia untuk hubungan seks. Kenalan tersebut turut mempamerkan nombor telefon mangsa, menyebabkan mangsa diganggu dengan panggilan telefon dari beberapa orang lelaki yang menyangka si mangsa betul-betul mengiklankan diri.

Menyedari akan potensi ancaman berkaitan penggunaan FB ini, semua orang terutama para ibu bapa perlu mempelajari selok-belok penggunaan Internet dengan selamat supaya mereka boleh memandu dan membimbing anak-anak mereka tentang penggunaan FB dengan beretika, sambil mempraktikkan langkah-langkah keselamatan yang sepatutnya. Ibu bapa harus sedar bahawa di era media sosial ini, mereka perlu sentiasa memantau pergaulan digital dan aktiviti siber anak-anak.

CyberSecurity Malaysia menjalankan kempen kesedaran keselamatan maklumat untuk semua dan rakyat Malaysia boleh mendapatkan sumber-sumber dan tip keselamatan siber melalui portal www.cybersafe.my

Hakikatnya keselamatan siber adalah tanggungjawab bersama. ■